

22.2.2021_Berita Harian_MOSTI_Kapten Hamdan bangga bawa pulang aset berharga

Bekalan pertama vaksin Pfizer-BioNTech tiba di Malaysia

Kapten Hamdan bangga bawa pulang aset berharga

Juruterbang MH604 pastikan kumpulan pertama vaksin Pfizer-BioNTech selamat tiba

Oleh Ahmad Suhael Adnan dan Mahanun Abdul Aziz
ahmad.suhael@bh.com.my

Kuala Lumpur: Takut dan bimbang itu antara yang dirasai Kapten Hamdan Che Ismail ketika menerbangkan pesawat Malaysia Airlines MH604, yang membawa kumpulan pertama vaksin Pfizer-BioNTech ke Malaysia, semalam.

Walaupun penerbangan itu tidak begitu berbeza berbanding rutin penerbangan lain, Hamdan, 49, mengakui ada rasa gentar kerana dipertanggungjawabkan untuk memastikan keselamatan aset berharga untuk rakyat Malaysia.

Mana tidaknya, beliau seolah-olah membawa harapan seluruh rakyat Malaysia dalam penerbangan menggunakan pesawat Airbus 330-300 dikendalikan MABKargo Sdn Bhd (MASKargo) dan jika ada perkara tidak dingin berlaku, Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan pasinya akan tergedata.

Namun berbekalkan perancangan rapi serta doa, Hamdan bersama anak kapalnya berjaya memastikan 312,300 dos vaksin Pfizer-BioNTech itu selamat tiba di



Hamdan dipertanggungjawabkan menerbangkan pesawat MH604 untuk membawa pulang kumpulan pertama vaksin Pfizer-BioNTech tiba di KLIA, semalam.

(Foto BERNAMA)

Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dari Singapura sekitar jam 10 pagi, semalam.

"Dari segi persiapan, tidak banyak yang berbeza berbanding rutin penerbangan yang lain, cuma agak berdebar kali ini bila tahu aset dibawa adalah vaksin yang dimantikam semua rakyat Malaysia.

"Saya beritahu pada penantu juruterbang dan semua anak kapal untuk jalankan tugas seperti biasa, namun pada masa sama bersedia dengan apa juar kemungkinan kerana jika ada apa-apa yang terjadi, saya dan kita semua bertanggungjawab."

"Memang ada sedikit rasa takut jika ada kerosakan atau apa-apa berlaku pada vaksin yang dibawa, namun kami yakin

dan cabaran dihadapi adalah memastikan suhu vaksin itu, kerana ia perlu dikekalkan pada suhu sejuk beku."

Vaksin Pfizer BioNTech itu dibawa dari kilang di Puurs, Belgium dan dibawa mempunyai pesawat dari Brussels, sebelum transit di Lapangan Terbang Leipzig Halle, Jerman dan menruskan perjalanan ke Singapura untuk pengedaran ke negara Asia Pasifik lain termasuk Malaysia.

Hamdan yang berasal dari Tumpat, Kelantan, bertolak seawal jam 6 pagi menuju ke Singapura untuk mendapatkan vaksin itu, sebelum berlepas pulang ke Malaysia bersama aset berkenaan pada jam 9 pagi.

Beliau yang memiliki pengalaman selama 29 tahun bersama MAS berkata, antara persediaan

dan cabaran dihadapi adalah memastikan suhu vaksin itu, kerana ia perlu dikekalkan pada suhu sejuk beku."

Memandangkan vaksin COVID-19 amat berharga ketika ini, katanya, kemungkinan unsur jenayah berlaku turut dibincangkan ketika proses persediaan.

"Namun, jaminan pihak berkuasa dan keselamatan bahawa keselamatan aset untuk sampai ke Malaysia pada waktu yang dijadualkan menjadi keutamaan, memberi keyakinan kepada kami," katanya.

Mengakui turharu ketika menerima arahan untuk menerbangkan vaksin itu ke Malaysia, Hamdan serta anak kapalnya berbangga kerana diberi peluang untuk menggalas tugas besar itu.